



Ruj. Kami : SELAR/21-009
Tarikh : 01 Mei 2021

**Presiden / Setiausaha
Persatuan Memanah Daerah / Kelab / Persatuan.**

Tuan,

**SESI PEMILIHAN ATLET MEMANAH NEGERI SELANGOR KE ARCHERY REMOTE
SCORING PERINGKAT KEBANGSAAN**

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) telah merancang untuk menganjurkan **REMOTE SCORING KEBANGSAAN** tentatif pada 12 Jun 2021. Kategori-kategori berikut akan dipertandingkan:

- a. Recurve Men & Women.
- b. Compound Men & Women.
- c. Barebow Men & Women.

3. Sehubungan dengan ini, pihak Persatuan Memanah Selangor (SELAR) bercadang untuk mengadakan satu sesi pemilihan terbuka secara remote scoring untuk pemilihan atlet-atlet yang bakal mewakili Negeri Selangor bagi kategori-kategori yang dinyatakan. Tentatif sesi remote scoring adalah seperti berikut:

- a. Tarikh : **Ahad, 30 Mei 2021.**
- b. Lokasi : **Lapang sasaran di lokasi masing-masing.**
- c. Maklumat pendaftaran dan pelaksanaan remote scoring ini adalah seperti dikepilkan.

4. Pihak Persatuan walaubagaimanapun ingin memaklumkan bahawa segala perancangan ini adalah tertakluk kepada situasi semasa status COVID-19. Segala perkembangan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

5. Kerjasama dan sokongan tuan untuk menjayakan program ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

Amir Suharman

MEJAR HJ AMIR SUHARMAN BIN ADNAN (Bersara)
Naib Presiden (Penganjuran Pertandingan)
Persatuan Memanah Selangor (SELAR)